



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

MATI ITU PASTI

Tarikh Dibaca :

18 September 2020 / 30 Muharam 1442H

Disediakan oleh :

Bahagian Rujukan Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pahang



MATI ITU PASTI

18 September 2020 | 30 Muharam 1442H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ

وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Mati adalah satu kepastian dan akan tetap menemui setiap orang daripada kita. Meskipun kematian tidak diinginkan dan sangat ditakuti, namun ia tetap akan berlaku kepada diri kita. Tempat dan masa sahalalah yang akan ditentukan oleh



Allah Subhanahu wa-Taala. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al Anbia ayat 35:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبَلُّوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Yang bermaksud : *“Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kami-lah kamu sekeliannya akan dikembalikan.”*

Walaupun kematian merupakan sesuatu yang pasti, namun kita tidaklah boleh bercita-cita atau menginginkan kematian atau memohon kematian kerana ditimpa bala bencana dan kecelakaan, terlantar sakit yang tidak mungkin sembuh atau hidup dalam tekanan dan kesusahan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang riwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

“Janganlah salah seorang daripada kamu bercita-cita untuk mati, dan janganlah berdoa memohon kematian sebelum tiba masanya, kerana apabila mati seseorang itu, maka putuslah amalannya. Dan tidaklah bertambah umur seseorang mukmin itu melainkan semuanya kebaikan jua.”



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Walaupun kita ditegah bercita-cita untuk mati, tetapi kita tidak pula ditegah untuk mengingatnya, kerana mengingati kematian dapat menambahkan amal kebaikan dan menjauhkan dosa juga kemungkarannya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al Tarmizi:

أَكْثَرُوا مِنْ ذِكْرِ هَازِمِ اللَّذَاتِ

Yang bermaksud: “Perbanyakkanlah mengingati sesuatu yang melenyapkan segala macam kelazatan (kematian).”

Marilah kita memperbanyakkan amal ibadah serta bertaubat kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala sebelum tibanya ajal.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلْقِيكُمْ ^{بِهِ} ثُمَّ تَرُدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ

وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Sebenarnya mati yang kamu melarikan diri daripadanya itu, ia tetap akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu Ia memberitahu kepada kamu apa yang telah kamu lakukan (serta membalasnya).”



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.